

# Penerimaan Aplikasi Bahasa Melayu dalam TMK

Rakyat Malaysia dan kebanyakan pengkaji bahasa tentu maklum bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, malah dikatakan bahasa perpaduan rakyat negara ini. Status tersebut mewajarkan semua rakyat Malaysia menggunakan bahasa Melayu dengan baik untuk komunikasi. Meskipun begitu, pencinta bahasa Melayu agak terkilan apabila terdapat anak muda yang berstatus warganegara tidak dapat menggunakan bahasa kebangsaan. Lebih mengecewakan, apabila terdapat individu yang mendakwa ataupun memikirkan bahawa diri mereka semacam ditimpa "bencana" andai kata bahasa Melayu dijadikan medium untuk berbicara.

Peredaran masa dan tahap pemikiran manusia turut merobah pelbagai perkara, tidak terkecuali tentang soal bahasa. Kemajuan teknologi ternyata menjadi pemangkin pelbagai peralatan moden dicipta, termasuklah pelbagai alat komunikasi canggih yang ada. Kini, komputer dan telefon bimbit pelbagai jenama mampu dimiliki oleh sesiapa sahaja sama ada orang dewasa, apatah lagi golongan muda. Kemajuan tersebut membolehkan anggota masyarakat di mana-mana sahaja mengenali dan menggunakan sistem khidmat pesanan ringkas atau nama popularnya *sms*. Kewujudan facebook, WhatsApp, Telegram, WeChat, Instagram dan lain-lain adalah antara bukti kemajuan teknologi dari semasa ke semasa. Kewujudan internet pula membolehkan banyak urusan dijalankan secara atas

talian yang secara umumnya mendatangkan kebaikan kepada semua.

Oleh sebab internet wujud dalam persekitaran bahasa Inggeris maka bahasa itulah yang menguasai teknologi tersebut. Bahasa Inggeris telah digunakan sebagai bahasa utama dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) atau ICT. Walaupun singkatan kata dalam bahasa Melayunya ada, iaitu TMK, singkatan dalam bahasa Inggeris ICT yang "dimulihkan". Situasi ini secara tidak langsung menuntut pengguna TMK di seluruh pelosok dunia agar mengetahui bahasa Inggeris, seiring dengan perkembangan teknologi dalam era globalisasi.

Pertambahan pengguna bahasa Inggeris ekoran kemajuan TMK dikatakan oleh sesetengah pihak sebagai penjajahan bentuk baharu; penjajahan

pemikiran, bukan penjajahan kawasan. Bagi penulis, tanggapan sedemikian adalah kurang wajar kerana bahasa itu perlu dipelajari untuk memudahkan teknologi digunakan, bukan suatu perancangan pihak tertentu untuk penjajahan. Dengan perkataan lain, perkembangan TMK memungkinkan lebih ramai individu memahami bahasa Inggeris. Namun begitu, malang sekali apabila ada pihak yang semacam ingin meminggirkan bahasa Melayu kerana ingin memberikan tumpuan kepada bahasa Inggeris. Kesilapan inilah yang menjadi punca para pejuang dan pencinta bahasa Melayu tidak berpuas hati.

Masyarakat akan melihat sesuatu yang baharu daripada pelbagai perspektif. Secara umumnya, akan timbulah pandangan tentang kebaikan dan kelemahannya. Demikian juga halnya dengan kewujudan TMK. Apabila dikaitkan dengan bahasa Melayu ada yang berpendapat bahawa teknologi tersebut mendatangkan kebaikan kepada perkembangan bahasa Melayu. Rasional mereka ialah kewujudan TMK telah menambahkan kosa kata bahasa Melayu. Sebagai contoh, sebelum kewujudan komputer, pengguna bahasa Melayu tidak mengetahui perkataan tetikus, jaringan, perisian, papan kekunci, laman siber, dan lain-lain. Penciptaan istilah baharu sebagai padanan dengan bahasa asalnya (bahasa Inggeris) telah menambahkan bilangan kosa kata bahasa Melayu. Pertambahan kosa kata itulah yang dianggap sebagai kesan positif kemajuan teknologi tersebut terhadap perkembangan bahasa Melayu.

Pihak lain pula berpendapat bahawa istilah baharu sebagai variasi istilah asalnya dalam bahasa Inggeris tidak mampu menarik minat orang ramai untuk menggunakannya, malah ada yang mendakwanya sebagai janggal. Kebanyakan pengguna dikatakan lebih cenderung untuk memilih istilah daripada bahasa asalnya. Situasi ini menimbulkan kebingungan dalam sesetengah pihak sehingga ada yang beranggapan bahawa kemajuan teknologi tersebut merupakan cabaran besar terhadap



Penggunaan bahasa yang bercampur aduk semakin ketara dalam aplikasi teknologi baharu.

perkembangan dan keupayaan bahasa Melayu memainkan peranannya sebagai bahasa ilmu.

Dari satu aspek, penciptaan istilah dalam bahasa Melayu sebagai variasi dapat menambahkan kosa kata dalam bahasa kebangsaan. Namun begitu, istilah yang baharu dicipta itu digunakan oleh segelintir individu, terutama dalam kalangan anggota masyarakat yang tidak berpendidikan tinggi. Pernyataan ini tidak pula bermakna bahawa individu yang memiliki pendidikan tinggi tidak menggunakannya. Namun begitu, dari segi realitinya kebanyakan pengguna memilih aplikasi dalam bahasa Inggeris. Dengan hal yang demikian, kewujudan istilah yang banyak dalam bahasa Melayu tidak bermakna sekiranya sambutannya tidak menggalakkan dan lama-kelamaan istilah tersebut akan berukubur tanpa nisan.

Faktor kecenderungan pengguna TMK memilih istilah dalam bahasa Inggeris perlu dikenal pasti. Antaranya termasuklah pengguna terlebih dahulu diperkenalkan aplikasi peralatan canggih itu dalam bahasa Inggeris. Hal ini disebabkan istilah dalam bahasa Melayu belum lagi tercipta ketika itu. Oleh sebab sudah dibiasakan dengan istilah *call*, *send*, *delete*, *silent*, *off*, dan lain-lain, pengguna tentu kurang tertarik untuk menggunakan istilah Melayu, iaitu panggilan, hantar, padam, senyap, matikan, dan lain-lain. Atas faktor inilah TMK tidak mampu menarik minat pengguna agar beralih kepada aplikasi dalam bahasa Melayu.


Selain itu, situasi semasa di negara ini semacam memberikan gambaran bahawa rakyat Malaysia

hanya boleh menyaingi rakyat asing sekiranya bahasa Inggeris dikuasai. Kemajuan Malaysia semacam terhenti tanpa penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan rakyatnya. Pelbagai kepentingan bahasa Inggeris yang sudah pun diketahui umum diperkatakan berulang kali. Kemuncaknya, pada tahun 2003 program PPSMI diperkenalkan di sekolah. Berdasarkan program ini, guru mata pelajaran Sains dan Matematik yang tidak berapa faham bahasa Inggeris diarahkan agar mengajarkan mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris. Kumpulan sasarannya pula terdiri daripada pelajar yang juga tidak memahami bahasa Inggeris. Walaupun masih disokong oleh pihak yang berkepentingan, akhirnya program tersebut ditamatkan pada tahun 2011, setelah disahkan gagal meskipun jutaan ringgit wang dibelanjakan.

Setelah bertegas untuk tidak menghidupkan PPSMI, kini timbul pula berita bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan Program Dwibahasa (DLP). Dikatakan bahawa melalui program dwibahasa ini, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains, Matematik, Teknologi Reka Bentuk, dan ICT akan dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Dengan perkataan lain, program dwibahasa yang kini mendapat bantahan daripada beberapa pihak tertentu mahu diperkenalkan lantaran keraguan pihak berkuasa tentang masa depan rakyat negara ini sekiranya bahasa antarabangsa itu gagal dikuasai.

Penekanan yang keterlaluan terhadap bahasa Inggeris secara tidak langsung telah meniadakan keupayaan bahasa Melayu. Keupayaan dan kecemerlangan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di rantau ini pada suatu ketika dahulu dianggap sebagai dokumen sejarah yang tidak begitu penting pada era globalisasi. Pemikiran masyarakat yang kian teresami dengan kerendahan martabat bahasa kebangsaan tidak memungkinkan pengguna TMK memilih untuk menggunakan aplikasi dalam bahasa Melayu.

Pihak yang membantah program tersebut tidak sekali-kali menolak kepentingan bahasa



Oleh sebab digemari pengguna, "bahasa sms" terus digunakan walaupun dipercayai mendatangkan kesan negatif, khususnya kepada pelajar dan kepada imej bahasa Melayu itu sendiri.

Inggeris. Sebenarnya, individu yang hanya menguasai satu bahasa tidak dapat menandingi penguasaan ilmu individu lain yang menguasai lebih daripada satu bahasa sekiranya kedua-dua individu yang dimaksudkan itu berusaha menimba ilmu. Perkara yang dipertikaikan adalah tentang kaedah untuk menguasai bahasa antarabangsa itu. Barangkali tidak salah jika dikatakan bahawa bahasa Inggeris akan dikuasai pelajar sekiranya program membaca dan aktiviti perbualan dalam bahasa Inggeris dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pemikiran bahawa istilah bahasa Melayu dalam peralatan komunikasi moden itu sebagai tidak tepat, mengelirukan, agak janggal, dan lain-lain hanyalah alasan. Perasaan sedemikian memang timbul pada peringkat permulaan. Namun begitu, kejanggalan yang dimaksudkan itu akan beransur hilang setelah istilah dalam bahasa Melayu digunakan secara

berterusan. Sebagai bukti, "bahasa sms" yang agak sinonim dengan golongan muda khususnya, tidak memakan masa yang lama untuk dipopularkan. Oleh sebab digemari pengguna, "bahasa sms" terus digunakan walaupun dipercayai mendatangkan kesan negatif, khususnya kepada pelajar dan kepada imej bahasa Melayu itu sendiri.

Kini, penggunaan perkataan atau rangkai kata tertentu yang jauh menyimpang daripada tatabahasa bahasa Melayu agak sukar dibendung. Contoh perkataan atau rangkai kata yang tergolong dalam "bahasa sms" ialah *apew, kcoh2, xmuat, lupa lak, dan lain-lain*. Ada juga yang mencampuradukkan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, misalnya *liebiu (i love you), dongibap (don't give up), yukenduit (you can do it)*, dan lain-lain. Dari segi realitinya, perkataan atau rangkai kata seperti di atas ternyata janggal. Namun begitu, disebabkan sambutan yang baik bentuk bahasa yang sedemikian berkembang dengan cepatnya. Hal ini bermakna bahawa istilah dalam bahasa Melayu juga boleh menjadi variasi istilah dalam bahasa Inggeris sekiranya kesedaran tentang kepentingan bahasa kebangsaan itu tinggi. Tegasnya, sikap kurang yakin akan kewibawaan bahasa Melayu telah menimbulkan pelbagai tanggapan negatif terhadapnya.

Sikap pelbagai pihak di negara kita yang bersandiwara terhadap bahasa Melayu sukar dinafikan. Pihak yang berkenaan hanya melakonkan watak pejuang bahasa Melayu apabila diminta menyampaikan ucapan dalam majlis-majlis kebahasaan. Lazimnya pada bulan September, iaitu sempena ulang tahun sambutan Bulan Bahasa yang sehingga kini masih diteruskan. Ucapan yang bersemangat ternyata tidak disusuli dengan tindakan. Pemilihan nama tempat, nama syarikat, nama pertubuhan, cogan kata dan lain-lain yang tidak melambangkan budaya



tempatan sukar dinafikan. Bukankah situasi ini secara tidak langsung menggambarkan kerendahan martabat bahasa Melayu? Oleh sebab pemikiran sedemikian sudah tertanam dalam masyarakat kita, sudah pasti aplikasi dalam bahasa Melayu yang dimaksudkan itu akan menjadi "hidup segan mati tak mau".

Sama ada disedari atau tidak, segelintir anggota masyarakat kita, terutama yang memperoleh pendidikan tinggi sanggup "membodohkan" diri mereka apabila bertutur dalam bahasa Melayu. Walaupun keupayaan berbahasa Inggerisnya tidak seberapa, percakapan golongan ini pasti dicampuradukkan dengan perkataan Inggeris barangkali untuk menampakkan keintelektualan ataupun kehebatan. Sekiranya pernyataan ini dianggap keterlaluan, telitilah penggunaan bahasa tokoh-tokoh tertentu ketika menyampaikan ucapan ataupun semasa menayakan sesi temu bual. Penggunaan bahasa yang bercampur aduk yang sekali gus mencemarkan bahasa Melayu itu tetap menjadi ikutan generasi muda termasuklah pelajar. Dengan memiliki sikap sedemikian terhadap bahasa Melayu, mungkinkah aplikasi dalam bahasa Melayu akan menjadi pilihan mereka?

Sikap negatif setengah anggota masyarakat kita terhadap bahasa Melayu berpunca daripada kegagalan pihak yang berkenaan menafsirkan tindakan pihak atasan. Pernyataan pihak berkuasa tentang kepentingan penguasaan bahasa Inggeris telah ditafsirkan sebagai bahasa Melayu tiada lagi tempatnya. Sebenarnya, kepentingan menguasai bahasa Inggeris tidak wajar dinafikan ekoran kemajuan teknologi yang pesat berkembang. Pada masa yang sama, keperluan mengukuhkan penguasaan dan mempertahankan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan perlu direalisasikan. Dengan adanya pemikiran yang sedemikian, istilah dalam bahasa Melayu akan berfungsi sebagai variasi istilah dalam bahasa Inggeris. Jika keadaan ini berlaku, era globalisasi tidak dikatakan sebagai anasir yang mengancam kedaulatan bahasa Melayu. PB